

**MAJLIS PENUTUPAN GALA KOKURIKULUM KEBANGSAAN TAHUN 2014 DAN  
PERASMIAN PUSAT KOKURIKULUM JABATAN PENDIDIKAN NEGERI  
SELANGOR – KEM TEKALI**

24/05/2014

KEM TEKALI HULU LANGAT, SELANGOR

As-salāmu’alaikum wa rahmatullāhi wabarakātuh,  
salam sejahtera dan salam Perpaduan Melalui Kokurikulum.

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran terhadap Allah SWT, kerana dengan limpah nikmat dan rahmatNya jua, kita diberi kesempatan dan kesihatan untuk berhimpun di majlis yang penuh bermakna pada pagi ini bagi menyempurnakan penutupan Gala Kokurikulum Kebangsaan tahun 2014 dan sekali gus merasmikan Pusat Kokurikulum Negeri, Jabatan Pendidikan Selangor yang serba indah ini.

2. Terima kasih diucapkan kepada Jabatan Pendidikan Selangor selaku tuan rumah bagi Gala Kokurikulum peringkat kebangsaan pada kali ini; Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia selaku penyelaras program; dan terutama kepada para peserta, guru pengiring serta semua petugas di atas dedikasi dan komitmen dalam menjayakan Gala Kokurikulum ini.

3. Tahniah juga diucapkan kepada semua murid yang telah mempamerkan persembahan yang menarik sebentar tadi. Sememangnya bakat dan potensi sebagaimana yang ditonjolkan oleh anak-anak kita sebentar tadi harus terus digilap dan dibimbing dengan sebaiknya supaya kita dapat melahirkan generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah turut cemerlang dalam bidang-bidang selain akademik, yang mampu menyumbang kepada pembentukan individu secara menyeluruh.

Dato’-Dato’, tuan puan, hadirin yang dihormati sekalian,

Kokurikulum sebagai Mekanisme Perpaduan

4. Menyaksikan murid-murid pelbagai kaum bersama-sama, senada dan seirama, membuat persembahan sebentar tadi, tidak dapat dinafikan bahawa aktiviti kokurikulum merupakan salah satu mekanisme terbaik untuk memupuk

nilai-nilai perpaduan dalam kalangan murid daripada pelbagai latar belakang, kaum dan agama. Ini kerana perpaduan dalam sebuah negara berbilang kaum tidak terbentuk dengan sendirinya. Nilai-nilai perpaduan itu perlu diterap, dipupuk dan disuburkan melalui proses interaksi setiap individu yang ada dalam masyarakat serta perlu perkukuhkan sejak dari awal lagi.

5. Melalui aktiviti kokurikulum, murid-murid dapat bersama-sama belajar menerima dan menghormati antara satu sama lain, serta berusaha untuk mencapai matlamat yang sama. Perpaduan yang sebenar akan dapat dicapai apabila setiap murid meyakini bahawa perbezaan yang wujud di antara mereka merupakan sumber kekuatan ke arah mencapai matlamat sebagai sebuah negara bangsa.

#### Pemantapan Kokurikulum

6. Penganjuran Gala Kokurikulum sebagai acara tahunan sejak tahun 2007 merupakan salah satu usaha berterusan Kementerian Pendidikan untuk mengengahkan serta memperagakan aktiviti-aktiviti kokurikulum yang ada di sekolah, sekali gus memartabatkan bidang kokurikulum itu sendiri. Ianya merupakan platform terbaik untuk pemantapan jatidiri dan pembangunan modal insan secara holistik. Daripada pasukan beruniform, pelbagai kelab dan persatuan termasuk sukan dan permainan, pelbagai cabang bidang kesenian, sehinggalah kepada bidang reka cipta, sains dan teknologi, kesemuanya menyediakan ruang yang cukup luas untuk para pelajar meneroka kekuatan dan kelebihan diri masing-masing secara positif.

7. Oleh kerana itu, Kementerian Pendidikan sentiasa serius dan meletakkan keutamaan kepada pelaksanaan aktiviti-aktiviti kokurikulum baik di peringkat sekolah, daerah, negeri atau kebangsaan. Usaha memantapkan bidang kokurikulum yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 2005 telah diterjemahkan melalui peningkatan penyertaan murid dalam bidang ini. Penetapan wajaran 10% markah kokurikulum untuk diambilkira bagi kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam sememangnya telah memberikan impak yang amat positif terhadap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum.

8. Teras kedua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 secara jelas meletakkan pemantapan program kokurikulum sebagai salah satu fokus dalam usaha Membangunkan Modal Insan. Dan kini, usaha memperkukuhkan aktiviti kokurikulum diteruskan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

(PPPM) 2013-2025 bila mana ia turut disenaraikan sebagai salah satu inisiatif di bawah Gelombang Satu PPPM, bersama-sama dengan perkukuhan perpaduan murid. Di antara elemen baharu yang diperkenalkan di bawah inisiatif perkukuhan aktiviti kokurikulum ini adalah pelaksanaan projek berinovasi bagi semua kelab dan persatuan di sekolah. Projek ini memberi penekanan terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid-murid semasa menjalankan aktiviti kokurikulum, selain membantu menerapkan budaya kreatif serta inovatif.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan, hadirin yang dihormati,

Kejayaan di Peringkat Antarabangsa

9. Tahap kesedaran ibu bapa dan masyarakat tentang kepentingan kokurikulum turut menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Ramai ibu bapa kini yang menyokong dan memberikan galakan kepada anak-anak mereka menyertai aktiviti kokurikulum sehingga ke peringkat antarabangsa. Ini terbukti dengan kejayaan demi kejayaan yang dicapai oleh murid-murid kita di dalam pertandingan-pertandingan kokurikulum di peringkat antarabangsa.

10. Sebagai contoh pada tahun 2013, pasukan Malaysia telah sekali lagi mencatat kejayaan membanggakan dalam pertandingan World Robot Olympiad (WRO) ke-9 yang berlangsung di Indonesia dengan memungut 3 pingat emas, 2 pingat gangsa dan 7 anugerah khas. Ini merupakan kali keempat Malaysia muncul juara WRO dalam tempoh lima tahun dengan membawa balik dua pingat emas pada tahun 2009, 2010 dan 2012, serta 3 pingat emas pada tahun 2013. Dalam Primary Mathematics World Contest (PMWC) yang berlangsung di Hong Kong pada bulan Julai 2013 pula, Malaysia turut berjaya meraih 1 pingat emas, 2 pingat perak dan 2 pingat gangsa.

11. Malaysia juga turut cemerlang dalam bidang kesenian apabila kumpulan muzik, tari, teater dan seni visual dari Sekolah Seni Malaysia Johor muncul sebagai juara keseluruhan di Festival Antarabangsa Pop Foundation yang diadakan di Sepanyol pada bulan Disember 2013. Manakala murid-murid Sekolah Seni Malaysia Sarawak pula telah muncul sebagai juara dunia di World Championship of Folklore: World Folk 2013 di Bulgaria pada bulan September 2013.

12. Manakala berita terbaharu yang kita terima pada minggu lepas adalah kejayaan murid-murid kita di INTEL International Science and Engineering Fair

yang diadakan di Los Angeles, Amerika Syarikat pada 10 hingga 17 Mei 2014. Faye Jong dari SMK Batu Lintang, Sarawak telah mengharumkan nama negara apabila projek beliau “Bio-Waste Materials as Eco-Friendly Mordant in Fabric Dye Process” mendapat tempat pertama bagi Kategori Pengurusan Alam Sekitar, selain muncul sebagai Top Winner of the Best Category dan Top 3 Winners of the EU Contest for Young Scientist. Malaysia juga turut memenangi anugerah bagi kategori-kategori lain di pertandingan tersebut melalui Nur Hanis dan Nurul Najihah dari Maktab Rendah Sains MARA Terendak Melaka, serta Meor Zulhilmi dari Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabudin, Pulau Pinang. Tahniah diucapkan!

13. Kejayaan-kejayaan yang saya sebutkan ini hanya merupakan sebahagian sahaja pencapaian murid-murid kita di persada antarabangsa. Banyak lagi kejayaan-kejayaan lain yang jelas membuktikan bahawa murid-murid kita sememangnya mempunyai daya juang yang tinggi serta kompetitif di peringkat antarabangsa. Malah Malaysia juga turut membuktikan kemampuan menjadi hos bagi pertandingan kokurikulum peringkat antarabangsa iaitu kejohanan F1 In Schools pada tahun 2008 dan World Robot Olympiad pada tahun 2012.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pemantapan Pusat Kokurikulum

14. Kehadiran saya di majlis pada hari ini merupakan kunjungan kedua saya ke Pusat Kokurikulum Negeri. Kali pertama adalah ke Pusat Kokurikulum Negeri Kelantan iaitu Kem Tangok di Bachok, ketika saya merasmikan Gala Kokurikulum Kebangsaan tahun 2010 . Hasrat saya untuk melawat Pusat Kokurikulum Negeri Selangor ini pernah saya zahirkan ketika saya melihat model pusat ini dipamerkan di perhimpunan Guru Muda 1 Malaysia (GM1M) bertempat di Sabak Bernam, Selangor pada bulan Januari 2013. Alhamdulillah pada hari ini, kita akan menyaksikan perasmian kompleks Pusat Kokurikulum Negeri Selangor yang serba lengkap ini dan juga merupakan pusat kokurikulum negeri yang pertama dibina di atas tapak tetap.

15. Pembinaan kompleks ini menggambarkan komitmen Kerajaan terhadap pemantapan bidang kokurikulum, memandangkan Pusat Kokurikulum sama ada di negeri atau daerah, merupakan nadi utama yang menggerakkan kegiatan kokurikulum di semua peringkat. Jika diukur daripada bilangan aktiviti dan juga bilangan murid yang mengikuti aktiviti-aktiviti di pusat-pusat kokurikulum negeri, ianya menunjukkan peningkatan yang ketara tahun demi

tahun. Saya dimaklumkan bahawa pada tahun 2013, sebanyak 1,049 aktiviti telah dijalankan di pusat-pusat kokurikulum seluruh negara dengan penglibatan murid seramai 192,980 orang. Manakala bagi Pusat Kokurikulum Negeri Selangor ini sahaja, seramai 17,714 orang murid telah terlibat dalam 72 aktiviti yang disediakan.

16. Keadaan ini jelas menggambarkan bahawa Pusat Kokurikulum yang sedia ada sememangnya memberi manfaat kepada ramai murid untuk mengikuti kegiatan kokurikulum secara terancang dan dikendalikan oleh para jurulatih yang bertauliah. Saya difahamkan pada ketika ini terdapat seramai 3,489 jurulatih bertauliah yang membantu menjalankan aktiviti-aktiviti di pusat-pusat kokurikulum. Jurulatih-jurulatih ini terdiri daripada guru-guru yang telah menjalani Kursus Asas Pendidikan Luar bagi melayakkan mereka menerima sijil kejurulatihan yang diperakui oleh Kementerian Pendidikan.

17. Menyedari kepentingan Pusat Kokurikulum kepada kelangsungan kegiatan kokurikulum pelajar, kementerian akan sentiasa memastikan supaya pembangunan fizikal Pusat-Pusat Kokurikulum Negeri diberikan perhatian khusus. Ianya bertujuan untuk memastikan agar kemudahan dan prasarana terbaik, lengkap dan selamat disediakan untuk murid-murid menjalankan aktiviti. Selain Pusat Kokurikulum Negeri Selangor ini, Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu juga sedang dalam fasa akhir pembinaan di tapak tetap dan dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2014. Saya berharap agar usaha ini akan diteruskan dengan pembinaan kompleks pusat-pusat kokurikulum negeri yang lain sebagaimana yang telah dijadualkan, dengan menjadikan Pusat Kokurikulum Negeri Selangor ini sebagai penanda aras.

18. Selain Pusat Kokurikulum Negeri, kementerian juga telah meluluskan penubuhan Pusat Kokurikulum Daerah di seluruh negara secara berperingkat pada tahun 2008, bagi memenuhi permintaan yang tinggi daripada sekolah-sekolah untuk menjalankan kegiatan kokurikulum. Dengan adanya Pusat Kokurikulum Daerah, ianya dapat membantu mengurangkan kos pengangkutan murid memandangkan kedudukannya yang lebih dekat dengan sekolah-sekolah berbanding Pusat Kokurikulum Negeri. Sehingga kini, terdapat 34 buah Pusat Kokurikulum Daerah yang sedang giat beroperasi sejak tahun 2009.

19. Saya ingin melihat lebih banyak Pusat Kokurikulum Daerah diwujudkan di seluruh negara agar dapat memberi peluang kepada lebih ramai murid melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum yang dirancang. Namun apa yang lebih penting selain daripada penambahan bilangan Pusat

Kokurikulum Daerah ini adalah untuk memastikan agar pusat-pusat ini diurus dengan cekap dan berkesan agar ianya dapat memberikan manfaat yang optimum kepada murid serta memastikan aspek keselamatan sentiasa diberikan keutamaan.

20. Akhir kata, sekali lagi tahniah diucapkan kepada semua pihak yang menjayakan program Gala Kokurikulum pada kali ini. Tidak ketinggalan penghargaan saya kepada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang turut terlibat memberikan sokongan berterusan kepada Kementerian Pendidikan dalam menjayakan aktiviti kokurikulum. Saya berdoa agar Gala Kokurikulum ini mampu meningkatkan secara langsung nilai-nilai kemanusiaan melalui konsep integrasi nasional dalam kalangan murid di seluruh negara, sekaligus dapat mencapai aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

21. Sebelum mengakhiri ucapan, saya berharap agar apa yang pernah saya ucapkan pada Gala Kokurikulum 2010 akan dapat difikirkan oleh kementerian iaitu penglibatan pelajar-pelajar antarabangsa untuk penganjuran Gala Kokurikulum yang akan datang. Setelah lapan tahun penganjuran, saya fikir sudah tiba masanya untuk kita membawa Gala Kokurikulum ini ke tahap yang seterusnya. Untuk permulaan misalnya kita boleh mulakan dengan murid-murid dari negara-negara yang berjiran dengan negara kita terlebih dahulu. Penglibatan negara luar pastinya akan menghidangkan kepelbagaian budaya, menyediakan ruang interaksi yang lebih luas kepada murid-murid kita dan ianya akan menjadikan Gala Kokurikulum lebih menarik.

Dengan lafaz Bismillāhirahmānirrahīm, saya dengan sukacitanya menutup Gala Kokurikulum Kebangsaan 2014 dan seterusnya merasmikan Pusat Kokurikulum Negeri, Jabatan Pendidikan Selangor.

Sekian Wabillāhi al-taufīq wa al-hidāyah wa al-salāmu'alaikum wa rahmatullāhi wabarakātuh. Terima kasih.